## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 7 OGOS 2025

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | EGG PRICES STEADY AFTER SUBSIDY REMOVAL, NATION, THE STAR - 8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN |
| 2. | TAMAT SUBSIDI, HARGA TETAP STABIL, NEGARA, KOSMO – 9 | |
| 3. | MAT SABU: NAFAS SUSPENSION STILL IN EFFECT, NATION, THE STAR – 9 | |
| 4. | PENYUMBANG KEDUA TERBESAR JUALAN PERTANIAN, LOKAL, HARIAN METRO – 13 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 5. | PENANG LIVESTOCK SECTOR RECORDS HIGHER OUTPUT, EVENTS, NST – 7 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 6. | BAJI AZIZAH SUKAR DIKESAN, LOKAL, HARIAN METRO – 21 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7. | MADA: WATER LEVELS AT KEDAH'S DAM SUFFICIENT FOR USE, NATION, NST – 7 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 8. | TAKUNGAN 3 EMPANGAN MADA STABIL UNTUK TANAMAN PADI, NEGARA, KOSMO – 12 | |
| 9. | BERMULA BOT KECIL, KINI JADI JUTAWAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 29 | LAIN-LAIN |
| 10. | KONSEP MPF DI PERAK WAJIB MENJELANG 2027, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 28 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | THE STAR | NATION | 8 |

# Egg prices steady after subsidy removal

THE withdrawal of government subsidies for eggs and chicken has not disrupted supply or led to price increases.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Fuziah Salleh said the decision to remove the egg subsidy with effect from Aug 1 has shown positive results.

"When the egg subsidy was removed, we found that there were no issues with supply or prices," she said.

Citing an earlier example, Fuziah said similar action was taken with chicken in November 2023, when subsidies were ended and the ceiling price of RM9.40 lifted.

"Before that, we struggled to control chicken prices, even with subsidies and price caps in place. Consumers still had to pay extra, such as for cutting charges.

"But after the subsidy was removed, we tightened monitoring across the supply chain – from production costs and raw materials to distribution and retail.

"We recorded chicken prices daily to ensure the move was working," she said.

As a result, she said that chicken prices have since stabilised, with some selling at lower prices than before.

Fuziah said the ministry has the authority under various laws – including the Price Control and Anti-Profiteering Act, Supply Control Act and the Competition Act – to monitor and control supply and pricing at every level of the supply chain.

She was responding to Dr Taufiq Johari (PH–Sungai Petani), who asked how the National Action Council on Cost of Living (NACCOL) ensured that government interventions truly benefited the people.

"We want to show that our policies are working and having real impact on the ground," she said.

The government officially discontinued the egg subsidy on Aug 1, after spending around RM2.5bil since February 2022 to support the industry.

These subsidies were introduced in response to the global disruptions caused by the Covid-19 pandemic and the Russia-Ukraine war, which pushed up prices of essential feed ingredients like soybean and corn.

The financial aid aimed to help local egg producers manage higher input costs, prevent supply shortages and shield consumers from drastic price hikes.

Fuziah said following three NACCOL meetings this year, several cost of living intervention measures have been implemented including in the health sector, requiring all types of medicines sold or supplied in community pharmacies and private health facilities to have price markings from Aug 1.

"Based on the outcomes of NACCOL meetings and development of the Cost of Living and Decent Basic Living Expenditure Indicator this year, we have begun advocacy processes for the public.

"Additionally, RM25mil has been allocated to implement the Madani Agro Sales," she added.



**Big and small:** A shopkeeper showing AA (left) and E grade eggs at wholesale shop in Rawang. — FAIHAN GHANI/The Star

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | KOSMO | NEGARA | 9 |

# Tamat subsidi, harga tetap stabil

SIDANG DEWAN RAKYAT

**KUALA LUMPUR** – Harga pasaran ayam dilaporkan stabil sejak penamatan subsidi yang berkuat kuasa pada 1 November 2023.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, sebelum penamatan subsidi, pasaran ayam berdepan masalah kawalan harga meskipun kerajaan telah menetapkan harga kawalan dan bersubsidi.

"Antara strategi yang kita lakukan adalah pembanterasan terhadap kartel makanan ayam kerana 70 peratus kos pengeluaran ayam adalah makanan ayam. Jadi, kita kawal kos pengeluar ayam.

"Pada 1 November 2023, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mula ambil data harga ayam setiap hari untuk pastikan benar-benar berkesan. Tiada subsidi, tapi kita kawal sepanjang rantaian dan periksa harga ayam, sehingga hari ini, harga ayam stabil dan ada yang lebih rendah," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Dr. Mohammed Taufiq Johari (**PH-Sungai Petani**) berhubung mekanisme pelaporan dan pemantauan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi memastikan langkah intervensi kos sara hidup memberi impak kepada pengguna serta indikator pencapaian keberkesanannya.

Ujar Fuziah, NACCOL telah bermesyuarat sebanyak dua kali tahun ini, dan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif NACCOL yang turut bersidang sekali.

"Kerajaan melalui NACCOL juga telah memulakan usaha membangunkan Indikator Kos Sara Hidup dan Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar.

"Tahun ini, usaha advokasi berkaitan perbelanjaan asas tersebut telah pun dimulakan sebagai rujukan dasar dan tindakan kerajaan," katanya.



**HARGA ayam di pasaran dilaporkan stabil sejak kerajaan menamatkan subsidi berkuat kuasa pada 1 November 2023.** – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | THE STAR | NATION | 9 |

# Mat Sabu: Nafas suspension still in effect

THE suspension of the National Farmers Organisation (Nafas) remains in effect nearly 10 months after it was imposed due to internal conflicts, Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*) told the House.



The Agriculture and Food Security Minister said over the period, Nafas was managed by individuals appointed by the Registrar of Farmers Organisations, with all operations having to adhere to the registrar's directives.

He said the registrar appointed the Nafas Steering Council, comprising five experienced professionals in governance and government management led by former Public Service Department director-general Tan Sri Zainal Rahim Seman.

"This council is responsible for reassessing every aspect of Nafas' management and operations, including its subsidiaries, with the aim of ensuring that the institution's recovery is comprehensive, structured and conducted with integrity," he told Aminolhuda Hassan (Sri Gading-PH) on the status of Nafas' suspension since Nov 1, 2024.

Mohamad explained that the renewal strategy will be finalised through a governance and competitiveness improvement blueprint.

"The government has appointed highly experienced public service professionals to lead Nafas.

"These individuals are not only experts in their respective fields, but have also provided exemplary service to the nation in the past," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |

# Penyumbang kedua terbesar jualan pertanian

**Kuantan:** Pahang muncul sebagai penyumbang kedua terbesar nilai jualan pertanian di Malaysia yang mencecah jumlah keseluruhan RM25.12 bilion pada 2023, selain kekal sebagai pemain utama pertanian negara.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, daripada jumlah itu, subsektor tanaman menjadi penyumbang utama dengan nilai jualan RM22.11 bilion atau 88.0 peratus, diikuti ternakan sebanyak RM1.21 bilion (4.8 peratus), perikanan RM0.91 bilion (3.6 peratus), perhutanan dan pembalakan RM0.56 bilion (2.2 peratus) serta akuakultur RM0.33 bilion (1.3 peratus).

"Cameron Highlands kekal sebagai peneraju dalam pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia dengan nilai jualan RM3.60 bilion, manakala Pahang juga pengeluar utama kelapa sawit di Semenanjung, mencatatkan nilai jualan RM14.18 bilion, didominasi oleh daerah Rompin, Pekan dan Bera," katanya pada majlis pelancaran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri Pahang yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Pahang Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak di sebuah hotel di sini.

Dalam pada itu, Mohd Uzir juga Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 berkata pihaknya turut menyokong usaha kerajaan negeri menghasilkan sektor pertanian tinggi selaras dengan strategi Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13).

"Melihat fokus kepada sektor bernilai tinggi ini satu keutamaan dalam usaha kita memacu sektor pertanian negara. Saya percaya kerajaan negeri amat arif mengenai perkara ini dan kami di DOSM bersama agensi berkaitan akan terus menyokong menerusi penghasilan data yang dapat mempercepat proses pembangunan berkenaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | NST | EVENTS | 7 |





PENANG





Above: Chow (centre) during the closing ceremony of the Penang Farmers, Breeders and Fishermen's Day 2025 at Malaysian Agricultural Research and Development Institute in Kepala Batas. — Photos: ZHAFARAN NASIB/The Star

Left: Visitors checking out Charolais cattle, known locally as 'lembu sado'.

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

# Penang livestock sector records higher output

## CM: Chicken and duck, including meat and eggs, account for 91.75% of total value

PENANG'S livestock sector recorded a total output value of RM1.91bil last year, marking an increase of RM41.54mil compared to the previous year.

Chief Minister Chow Kon Yeow said the figure reflected steady growth in the state's agro-based economy, with livestock farming continuing to play a key role in food supply and rural income.

"The largest commodity contributing to the total Livestock Output Value (NHT) in 2024 was poultry, specifically chickens and ducks, including meat and eggs, which accounted for 91.75% of the overall value," he said in his speech at Penang Farmers, Breeders and Fishermen's Day celebration at Malaysian Agriculture Research and Development Institute (Mardi) in Kepala Batas, Seberang Perai.

Chow said for self-sustaining livestock industries such as poultry, the implementation of the State Livestock Enactment aimed to promote the transformation of these sectors towards modern, large-scale commercial farming.

He said the use of closed-house systems was a key criterion, not only in enhancing the quantity and quality of production, but also towards making the industry more environmentally friendly and sustainable.

Chow said that through the Livestock Industry Development Project, the state government continued to boost the productivity of small-scale and traditional livestock industries such as ruminant farming.

He said programmes related to the prevention, control and eradication of zoonotic diseases remained a top priority to ensure public health was safeguarded and the sustainability of the breeding industry was maintained.

For the fisheries sector, Chow said the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) was implementing various programmes and incentives.

These include Fishermen's Cost of Living Allowance (ESHN), fuel subsidies for petrol and diesel, Fishermen Safety and Protection Scheme, Fishermen Loan Fund Scheme, Disaster and Fund Relief Scheme, Fishermen's Catch Incentive and Special Housing Fishermen project.

He said the development of modern, well-equipped fishery complexes and landing ports was being carried out to ensure that the landing and marketing of catches were conducted in an orderly and systematic manner.

"LKIM is now keeping pace with technology by leveraging innovations such as the Individual Quick Freezing (IQF) method to maximise fishery yields.

"Modern facilities, including ice-making plants, are also being developed to preserve the freshness of the catch," he added.

Chow said various fish aggregating devices had been built to increase fish stocks through the creation of new habitats under the Offshore Fish Farm Project (LIDL).

He said other initiatives included the Fishery Site Identification (FSI) system, solar thermal fish-drying technology for the downstream industry and aquaculture farming projects.

Chow also visited some of the 80 booths during the event.

Also present were state agrotechnology, food security and cooperative development committee chairman Fahmi Zainol, state secretary Datuk Seri Zulkifli Long and Penang Veterinary Services Department director Dr Saira Banu Mohamed Rejab.

Dr Saira Banu confirmed that another farm had been found to be positive with African Swine Fever (ASF), bringing the total number of affected farms to four, all in Kampung Selamat, north Seberang Perai.

She said an outbreak previously detected in Kampung Selamat had been successfully contained.

"Initially, only three farms tested positive for the disease.

"Thanks to swift action and effective control measures, the spread has been brought under control."

She said no significant new cases had been reported and efforts were ongoing to ensure all other farms remain free from ASF.

Dr Saira Banu advised the farmers to strengthen biosecurity measures on their farms, including keeping outsiders or unsanitised vehicles out of their premises.

She said the department would begin culling at two more farms.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

Oleh Mohd Ishak Abdillah Ngah
am@hmetro.com.my

PENYELIDIK UMT TEMUI SPESIES IKAN BAHARU 'ROGADIUS AZIZAHAE'

# Baji Azizah sukar dikesan

**Kuala Nerus**

Penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, berjaya menemui satu spesies ikan baharu daripada keluarga *flathead* yang dikenali sebagai 'Rogadius Azizahae' atau nama tempatan Baji Azizah di perairan Laut China Selatan.

Penemuan bersejarah itu adalah hasil kerjasama antara UMT dan rakan penyelidik dari Jepun dan direkodkan secara rasmi dalam jurnal saintifik antarabangsa.

Spesies unik ini ditemukan penyelidik UMT, Dr Tun Nurul Aimi Mat Jaafar pada kedalaman antara 53 hingga 58 meter di kawasan perairan pantai timur Semenanjung Malaysia pada 5 Jun 2016, sekali gus menjadikan ia sebagai penemuan pertama spesies ini di dunia.

Lebih bermakna, nama saintifik Azizahae diabadikan sebagai penghargaan kepada sumbangan besar felo penyelidik utama UMT, Profesor Dr Siti Azizah Mohd Nor yang juga tokoh terkemuka dalam bidang ekologi molekul dan pemuliharaan biodiversiti ikan di Malaysia.




DR Tun Nurul Aimi (kanan) bersama Dr Siti Azizah menunjukkan spesies ikan baharu di perairan Laut China Selatan yang dinamakan sebagai Rogadius Azizahae.





Menurutnya, Baji Azizah adalah spesies dasar laut yang sukar dikesan kerana bentuknya yang leper dan memiliki warna tubuh perang kelabu yang menyerupai dasar laut, menjadikan spesies itu bijak dalam penyamaran semula jadi di dalam pasir laut dalam.

"Penemuan ini bukan sahaja menambah khazanah biodiversiti marin negara, malah membuktikan bahawa perairan Malaysia khususnya di Laut China Selatan masih menyimpan pelbagai khazanah negara yang belum diterokai sepenuhnya" katanya.

Ikan Baji Azizah bersaiz kecil dengan panjang antara 10 hingga 11 sentimeter memiliki corak garis halus gelap pada sirip pelvis dan sirip ekor perang serta putih lut sinar di bahagian tengah.

"Ia berbeza dengan spesies seakan-akan lain berdasarkan bentuk duri kecil di kepala serta corak warna pada siripnya," katanya.

Katanya, penemuan itu selaras dengan teras penyelidikan utama UMT yang memfokuskan kepada kelestarian sumber akuatik serta pemetaan biodiversiti marin negara.

Ia turut mencerminkan komitmen UMT sebagai peneraju pakar bidang sains kelautan dan sumber akuatik Malaysia dalam meneroka khazanah ekosistem laut yang semakin terancam akibat pelbagai faktor seperti pemanasan global dan aktiviti manusia.

Penemuan Baji Azizah membuka ruang luas kepada kajian lanjut terhadap komuniti ikan dasar laut di perairan Malaysia yang masih belum diterokai secara menyeluruh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | NST | NATION | 7 |

'HIGHER THAN LAST YEAR'

# Mada: Water levels at Kedah's dams sufficient for use

**ALOR STAR:** The water levels at Kedah's three main dams are sufficient to support its agricultural, domestic and industrial needs, said Muda Agriculture Development Authority (Mada).

It said the reservoir levels of the Pedu, Muda and Ahning dams, which supply water for padi irrigation and essential use in the state and parts of southern Perlis, are higher compared with the same period last year.

"Up to Tuesday, the total reservoir storage stood at 789.06 million cubic metres, a significant increase from the 633.42 million cubic metres recorded on the same date last year," said the agency in a statement yesterday.

Pedu Dam is at 53.34 per cent capacity, holding 575.7 million cubic metres at a water level of 88.2m.

Muda Dam is at 33.84 per cent with 52.2 million cubic metres at 92.2m, while Ahning Dam stands at 58.58 per cent with 161 million cubic metres at 101.61m.

Mada said water is being released at a rate of 99.1 cubic metres per second to support first-season padi planting in the Muda irrigation area, as well as to meet domestic and industrial water supply demand.

Up to July 29, padi planting had reached 99,832ha, or 99.2 per cent completion. Of this, 6,906ha (6.9 per cent) were at the flowering stage, while 21ha (0.02 per cent) had reached maturity.

Mada projected that by the end of next month, Pedu Dam will hit 62 per cent capacity, enough to sustain irrigation and water supply for the remainder of the season.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | KOSMO | NEGARA | 12 |



GAMBAR fail Empangan Ahning di Padang Terap yang turut membekalkan air kepada petani di negeri Kedah.

# Takungan 3 empangan MADA stabil untuk tanaman padi

**ALOR SETAR** – Jumlah takungan semasa di tiga empangan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang direkodkan kelmarin adalah 789.06 juta meter padu, lebih tinggi berbanding tahun lalu sebanyak 633.42 juta meter padu.

Menurut MADA, tiga empangan tersebut adalah Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning yang berfungsi membekalkan air bagi tujuan pengairan tanaman padi serta bekalan air domestik di negeri itu dan sebahagian selatan Perlis.

"Kadar takungan Empangan Pedu ketika ini adalah 53.34 peratus, Empangan Muda 33.84 peratus dan Empangan Ahning 58.58 peratus," katanya.

Menurutnya, pada masa ini pelepasan air empangan sedang dilaksanakan dengan kadar pelepasan sebanyak 3,500 kaki padu sesaat bagi memenuhi keperluan penanaman padi Musim 1/2025 di Kawasan Muda selain keperluan domestik serta industri di Kedah dan sebahagian selatan Perlis.

"Sehingga 29 Julai lalu, kemajuan aktiviti penanaman padi telah mencapai 99,832 hektar (99.2 peratus) tanam dan 6,906 hektar (6.9 peratus) daripadanya telah berbunga, manakala seluas 21 hektar (0.02 peratus) berada pada peringkat masak.

"Sehubungan itu, berdasarkan unjuran yang dibuat, takungan Empangan Pedu akan berada pada 62 peratus (542,000 ekar kaki) pada penghujung September ini," ujarnya.

Tambahnya, unjuran tersebut turut menunjukkan takungan semasa di Empangan Pedu masih mampu memenuhi bekalan pengairan bagi menjayakan penanaman padi Musim 1/2025 termasuk permintaan keperluan domestik dan industri di Kawasan Muda.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/8/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

## Rusdi Mamat dinobat penerima Anugerah Nelayan Jaya Kebangsaan 2025

# Bermula bot kecil, kini jadi jutawan

**Oleh ERMA YUSNIDA JUSOH**
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA NERUS:** Bermula sebagai nelayan pantai dengan hanya sebuah bot kecil ketika berusia 19 tahun, Rusdi Mamat kini bergelar nelayan laut dalam dengan memiliki aset mencecah jutaan ringgit hasil kerja keras dan ketabahan dalam dunia perikanan laut.

Kejayaan luar biasa itu membolehkan Rusdi, 55, yang berasal dari Kampung Batin, di sini dinobatkan sebagai penerima Anugerah Nelayan Jaya Peringkat Kebangsaan sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Anugerah berprestij itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan melayakkannya menerima hadiah wang tunai RM20,000, trofi serta sijil penghargaan sebagai pengiktirafan atas sumbangannya dalam industri perikanan negara.



**RUSDI Mamat (tengah) bersama ahli keluarganya berkongsi kegembiraan atas Anugerah Nelayan Jaya Kebangsaan yang diperoleh, baru-baru ini. - UTUSAN/ERMA YUSNIDA JUSOH**

Rusdi yang kini merupakan nelayan laut dalam berkata, kerjaya tersebut diwarisinya daripada arwah bapanya, Mamat Muda yang juga seorang nelayan pantai.

“Kini, hasil kerja keras dan pengalaman lebih tiga dekad, saya berjaya memiliki dua buah Bot C dan tiga buah Bot A dengan nilai keseluruhan lebih RM2 juta.

“Dulu kami hanya ada bot kecil dan jadi nelayan pantai. Alhamdulillah, berkat usaha, saya dapat ubah nasib keluarga. Saya anak kedua daripada 12 beradik. Selepas arwah ayah tiada, saya teruskan perjuangan dan libatkan empat adik-beradik lain untuk turut serta sebagai tekong,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini.

Empat adik-beradik yang bersamanya dalam operasi laut dalam ialah Sapri, 57; Mohd. Rusdan, 53; Mohd. Fazli, 49, dan Mohd. Azizi, 38 dengan mereka menguruskan operasi harian kelima-lima bot nelayan milik keluarga yang kini menggaji lebih 20 awak-awak.

Rusdi berkata, anugerah itu adalah pencapaian tertingginya sepanjang bergelar nelayan laut dalam dan menjadi pemangkin untuk terus menyumbang kepada pembangunan industri perikanan negara.

Katanya, sokongan padu isterinya, Wan Norhayati Wan Zainal, 50, dan keluarga turut menjadi sumber kekuatan dan semangat dalam menempuh pahit manis kehidupan sebagai nelayan laut dalam.

Menurutnya, setiap bot turun ke laut selama seminggu bagi menangkap hasil dengan purata hasil tangkapan boleh mencecah satu tan netrik dengan anggaran nilai sekitar RM10,000 bagi setiap perjalanan.

Katanya, antara cabaran utama yang dihadapi adalah persaingan daripada bot nelayan asing yang sering menceroboh kawasan perairan negara.

“Sekarang gangguan makin kurang, jadi hasil tangkapan pun lebih baik. Ini sangat membantu nelayan seperti kami untuk mengekalkan pendapatan dan operasi,” ujarnya.

Selain bergantung kepada hasil laut, Rusdi turut mengusahakan perkhidmatan sewa bot bagi aktiviti sukan memancing laut dalam dengan pakej empat hari lima malam yang dikenakan bayaran sekitar RM15,000, lengkap dengan permit daripada Jabatan Laut Wilayah Timur.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/8/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 28 |

# Konsep MPF di Perak wajib menjelang 2027



A. SIVANESAN (kiri) melawat ladang babi fasiliti moden, mesra alam dan bebas pencemaran di Ayer Kuning, Tapah, Perak, kelmarin. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

**TAPAH:** Kerajaan Perak akan mewajibkan semua pengusaha ternakan babi di negeri ini melaksanakan konsep Ladang Babi Moden (MPF) sebagai langkah sistematik menyelesaikan isu pencemaran dan kawalan penyakit akibat haiwan tersebut secara mandatori.

Pengerusi Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A. Sivanesan berkata, setakat ini terdapat kira-kira 85 ladang babi di seluruh Perak yang diarahkan melaksanakan konsep MPF secara bertahap sehingga 2027.

"Kami menjangkakan terdapat 80 ladang babi sahaja akan melaksanakan MPF kerana ada pengusaha yang bakal bergabung dengan ladang-ladang bersaiz besar yang lain selain menutup operasi mereka kerana tidak mempunyai modal yang mencukupi.

> **"Kami menjangkakan terdapat 80 ladang babi sahaja akan melaksanakan MPF."**
>
> A. SIVANESAN

"Sebagai contoh, ladang yang saya lawat ini mengamalkan konsep penternakan babi moden secara tertutup melibatkan lebih 40 kandang sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

"Ladang ini juga mematuhi radius jarak dengan penempatan seperti yang ditetapkan undang-undang. Mereka telah membelanjakan lebih RM30 juta bagi tujuan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas mengadakan lawatan di sebuah ladang khinzir fasiliti moden, mesra alam dan bebas pencemaran iaitu French Malaysian Livestock Industrial Sdn. Bhd. di Ayer Kuning, di sini kelmarin.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Kuning, Dr. Mohamad Yusri Bakir.

Katanya, kerajaan negeri Perak merupakan yang pertama di negara ini yang melaksanakan pendekatan sebegitu bagi mengelakkan pencemaran air dan bau terutama di sungai-sungai dan sistem peparitan.

Tambah beliau, konsep MPF itu menekankan penggunaan kandang tertutup, amalan sifar pelepasan dan pematuhan kepada Amalan Penternakan Baik (GAHP).